PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 19 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN : 75

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah dan rancangan Kerajaan untuk menyemarakkan perkembangan industri kreatif secara lebih berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) telah mewujudkan beberapa inisiatif dan program untuk menyemarakkan perkembangan industri kreatif secara lebih berkesan.

Dalam menggalakkan pembangunan kluster Kandungan dan Teknologi Kreatif, beberapa inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui MDEC ialah :

1. ***"Malaysia Animation Creative Content Centre"*** **(MAC3)** yang menyediakan kemudahan infrastruktur untuk pembangunan kandungan kreatif multimedia untuk segmen animasi, efek visual dan "game". Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuk makmal animasi, kemudahan "*rendering*", studio suntingan bunyi, Pusat Sumber Animasi dan kemudahan *screening* serta *presentation*.

2. **Program "*Go To Market*"** yang menemukan syarikat tempatan dengan syarikat pembeli antarabangsa melalui platform dan festival antarabangsa seperti MIPCOM, Annecy dan Kidscreen. Antara syarikat-syarikat tempatan yang telah berjaya menerusi program ini termasuk Giggle Garage, Digital Durian dan Lil Critters.

3. **Program pendedahan kepada syarikat tempatan dalam membangunkan IP serta penglibatan dalam projek dengan studio dan rangkaian antarabangsa** seperti Nickledeon, Disney Channel dan Cartoon Network. Antara syarikat tempatan yang telah berjaya menerusi kaedah ini termasuk Silver Ant dan Lemon Sky.

4. **Program "*Made for YouTube*"** dilaksanakan untuk membantu syarikat tempatan menjana pendapatan melalui platform sosial media, MDEC telah berkerjasama dengan pihak Google melaksanakan program ini.

Kementerian melalui FINAS juga telah dan sedang melaksanakan rancangan bagi menyemarakkan perkembangan industri kreatif secara lebih berkesan melalui enam (6) langkah berikut :

1. **Meningkatkan jalinan kerjasama bersama agensi atau persatuan serantau dan antarabangsa** seperti MDA Singapura, Screen Australia, KOCCA Korea, AFCNet, AFCi dan lain-lain;

2. **Menilai dan menaiktaraf inisiatif sedia ada** seperti Skim Wajib Tayang, Insentif Tayangan Filem Cereka (pemberian 10% rebat untuk mengalakkan pengusaha mencapai filem untuk mencecah box-office) dan skim pelesenan baru (untuk membantu pengusaha pengusaha baru);

3. **Program *Centre Of Excellent* (COE)** untuk mewujudkan sebuah pusat sehenti bagi tujuan rujukan industri dan menjadikan Malaysia sebagai hub serantau dalam penyediaan kemudahan dan bahan rujukan untuk industri kandungan kreatif;

4. **Projek Pembangunan Modal Insan FINAS** yang juga merupakan projek di bawah RMK11 yang akan menjadi tunjang kepada pembangunan industri kreatif;

5. **Mempromosikan filem-filem Malaysia yang berkualiti** ke Festival Filem Antarabangsa dan meluaskan jaringan pemasaran dan pengedaran antarabangsa; dan

6. **Memperkasakan program-program sinergi industri** seperti mengadakan Festival Filem Malaysia ke-27 di Kuala Lumpur dan memeterai kerjasama dengan pihak industri melalui Short Film Showcase, Festival Filem Johor Bharu, Festival Filem Kandungan Kreatif Malaysia dan Ekspo Filem Malaysia 2015.